



Church of the Assumption, PJ



Renungan Prapaskah – Minggu Ke-2

Salam damai kepada saudara dan saudari yang terkasih dalam Kristus, selamat datang ke refleksi kita untuk minggu kedua pada musim prapaskah ini.

Injil pada minggu ini mengajak kita untuk merenungkan “Transfigurasi Yesus”.

Sub tema pada minggu kedua prapaskah ini adalah “Mempercayai kekuatan harapan, dan dengan penuh harapan memberi tindak balas kepada realiti kita.”

Izinkan saya untuk berkongsi dengan anda 3 perkara untuk direnungkan.

Pertama, Petrus, Yakobus dan Yohanes dibawa untuk mengalami identiti Yesus yang sebenar dalam kejadian “transfigurasi.” Menyaksikan Yesus bersama dengan Musa dan Elia membuat ketiga murid ini merasa bahawa mereka telah dipilih untuk menjadi sebahagian daripada pengembaraan besar. Ini menimbulkan rasa hairan dan dalam masa yang sama menimbulkan rasa sukacita di dalam diri mereka.

- Adakah anda merasa bahawa anda diundang oleh Tuhan untuk ke pengembaraan yang besar di dalam hidup anda?
- Apakah yang anda rasakan apabila memikirkan tentang jemputan itu?

Mari kita ke perkara kedua.

Petrus berbicara kepada Yesus dengan mengatakan, “Rabi, betapa bahagianya kami berada di tempat ini. Baiklah kami dirikan tiga khemah, satu untuk Engkau, satu untuk Musa dan satu untuk Elia.” Ia berkata demikian sebab tidak tahu apa yang harus dikatakannya, kerana mereka sangat ketakutan. (Markus 9:5)

Harapan Kristian mendorong kita untuk bertindak. Petrus bertindak kepada harapan yang dirasakannya dan ingin membina tiga khemah untuk menyambut dan memberi tempat istirahat kepada Yesus, Musa dan Elia. Mengapa dia mencadangkan perkara ini? Petrus melakukan perkara tersebut kepada Yesus, Musa dan Elia sebagai tanda menyambut mereka dan ingin mereka rasa diterima.

- Siapakah yang kita perlu diberikan tumpuan dalam masyarakat masa kini?
- Siapakah yang memerlukan pertolongan dari kita?
- Bagaimanakah caranya untuk kita membawa harapan ke dalam kehidupan seseorang pada musim prapaskah ini?

Sekarang mari kita lihat kepada Katekumen Gereja Katolik. Dalam perenggan 1818 tertulis,

“Harapan adalah tindak balas kepada kegembiraan yang Tuhan telah tetapkan dalam diri setiap orang. Harapan diperlukan dalam kehidupan seharian kita dan boleh membantu kita agar layak memasuki kerajaan Sorga. Ia menjauhkan kita dari kekecewaan dan menguatkan kita ketika kita rasa dipinggirkan. Ia juga membuka hati kita dengan harapan akan adanya kebahagiaan abadi.



Church of the Assumption, PJ



Dengan kekuatan harapan juga, kita terpelihara dari sifat ketamakan dan ini akan membawa kepada kebahagiaan. Segalanya bermula dari kebaikan.” (CCC 1818)

Ketakumen mengajar kita bahawa harapan dan kebahagiaan adalah saling berkaitan. Bersikap penuh harapan dan melakukan perkara yang menghasilkan pengharapan akan membawa kepada kebahagiaan. Harapan juga membawa kepada keberanian dan melepaskan kita daripada rasa dipinggirkan.

Ingatkah anda ketika anda merasa penuh dengan pengharapan?

Mungkin ketika anda menerima kata-kata yang menyenangkan dan memberangsangkan dari seseorang apabila anda mengalami masa yang sukar. Atau ketika seseorang meminta anda untuk melakukan suatu perkara yang membawa kepada kedamaian. Mungkin juga ketika anda sedang makan bersama rakan-rakan, atau ketika anda sedang berjalan-jalan di taman. Atau ketika sedang menonton perlawanan bola sepak, atau ketika menghadiri aktiviti gereja. Mungkin anda juga merasa punya harapan ketika membaca alkitab.

Adalah sangat baik untuk kita mengingati saat-saat ketika kita mengalami pengharapan. Harapan hidup di dalam hati kita seperti percikan api kecil. Kita harus seperti kata St. Paulus, untuk membantu percikan api kecil itu untuk menyala menjadi api yang marak. (2 Timotius 1:6) Dengan kata lainnya, kita harus membiarkan harapan kita berkembang.

Dengan memasuki minggu kedua musim prapaskah ini, marilah kita menjadi orang yang percaya akan kekuatan harapan dan berusaha untuk membawa harapan kepada orang lain.

Semoga Tuhan membimbing kita untuk menjadi pembawa harapan dan kedamaian.

Amin

Gereja Katolik Assumption, PJ

www.assumptionpj.org



AssumptionPJ



ChurchoftheAssumptionPJ